

07 JUL 2002

Mahathir-Langkawi (Bergambar)

DR MAHATHIR YAKIN LANGKAWI TERUS MAJU TANPA BELIAU

LANGKAWI, 7 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Langkawi, satu tempat yang istimewa baginya, akan terus maju walaupun selepas beliau bersara dalam masa "15 bulan 23 hari" lagi.

"Saya yakin 'sumpah Mahsuri' tidak akan kembali ke Langkawi," kata Perdana Menteri pada majlis menyambut ketibaan beliau di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Mat Sirat hari ini.

Dr Mahathir diberikan sambutan meriah oleh penduduk Langkawi setibanya dari Bangkok selepas melakukan lawatan dua hari. Antara yang menyambut ketibaan Perdana Menteri dan isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali ialah Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Anggota Parlimen Langkawi Datuk Abu Bakar Taib yang juga Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, para pegawai kanan kerajaan serta para pemimpin Umno dan Barisan Nasional.

Dr Mahathir berkata sekiranya rakyat berusaha dan bekerjasama, Langkawi akan terus maju.

Katanya, beliau akan terus melawat Langkawi walaupun selepas bersara kerana Langkawi adalah tempat yang istimewa baginya.

"Walaupun saya berhenti tapi saya akan datang ke Langkawi. Saya tidak akan lupakan Langkawi," kata Dr Mahathir, yang menyatakan bahawa beliau akan bersara dalam masa 15 bulan 23 hari lagi.

Perdana Menteri juga berkata perasaannya bercampur sedih dan gembira melihat sambutan penduduk Langkawi terhadapnya.

Katanya, beliau gembira mendapati Langkawi terus membangun berbanding pada tahun 1956 ketika beliau menjadi pegawai perubatan di sini dan melihat Langkawi begitu mundur.

Langkawi merupakan sebuah tempat yang istimewa untuk berihat dan bekerja.

"Sebab itu, apabila darah tinggi saya naik, saya datang ke Langkawi kerana ia merupakan ubat yang mustajab bagi penyakit itu," katanya.

Beliau juga mahu projek kereta kabel disiapkan mengikut jadual.

Projek itu sebelum ini dijadual siap pada bulan lepas dan mengadakan perkhidmatan percubaan (trial run) pada bulan ini.

Selepas majlis sambutan di lapangan terbang, Dr Mahathir terus ke Teluk Burau untuk meninjau projek kereta kabel bernilai RM46 juta itu.

Ia menghubungkan Kompleks Membeli Belah Bersepadu Oriental Village dengan puncak Gunung Machinchang, setinggi 708 meter. Jarak antara kedua-duanya ialah 2.2km.

Dr Mahathir kemudian meninjau projek "Harbour Park Langkawi" di Pantai Kok dan mendengar taklimat ringkas daripada pelayar negara Datuk Azhar Mansor yang merupakan salah seorang juruperunding projek.

Projek yang berkonsepkan Meditarranean itu menggabungkan pembinaan marina, hotel dan kawasan perumahan.

Marina berkenaan boleh memuatkan lebih 100 kapal layar di pantai itu yang terletak dalam kawasan Teluk Burau yang akan dibangunkan sebagai pusat pertumbuhan ekonomi.

--- BERNAMA

NH AZZ ROS